

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [BAKRI]

TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [BAKRI] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** untuk menyatakan status terkini *Circular Economy Roadmap* (CER).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) sedang membangunkan Rangka Kerja Pelestarian Plastik seperti yang terkandung dalam dokumen *Malaysia Plastics Sustainability Roadmap (Roadmap)*, 2021-2030.
2. *Roadmap* ini berperanan sebagai panduan kepada semua pemegang taruh dalam memastikan kelestarian plastik di sepanjang rantai nilai, berteraskan konsep ekonomi kitaran dan prinsip kitaran hayat. Objektif pelaksanaan *Roadmap* ini adalah untuk menangani pencemaran plastik secara mampan dalam memastikan kemakmuran ekonomi, kesihatan dan kesejahteraan sosial negara.
3. Selari dengan Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12), *Roadmap* ini juga merupakan salah satu daripada pelan tindakan di bawah Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Plastik Sekali Guna, 2018 – 2030 yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 2018. Ia juga sebagai pelengkap kepada inisiatif ekonomi kitaran sisa pepejal yang sedang

dibangunkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

4. Rangka kerja tersebut akan dilaksanakan menggunakan pelbagai mekanisme, antaranya adalah *Extended Producer Responsibility* (EPR) di mana pengeluar produk bertanggungjawab dalam memastikan *material* plastik sentiasa di dalam kitaran tertutup (*closed-loop*). Usaha ini tidak hanya tertumpu kepada sisa hiliran (*downstream*), malah dan akan diperluaskan ke peringkat hulu (*upstream*) contohnya seperti rekabentuk bahan pembungkus plastik yang lebih mesra alam dan mudah dikitar semula. Pelaksanaan EPR adalah secara berfasa, bermula dengan inisiasi pada tahun 2021 bagi memastikan kesemua pemegang taruh dapat dilibatkan dan ekosistem yang lengkap dapat diwujudkan. EPR secara sukarela akan dilaksanakan mulai pada 2023 – 2025 dan beralih kepada pelaksanaan EPR secara mandatori selewat-lewatnya pada tahun 2026. Bagi membolehkan EPR mandatori dilaksanakan, kerangka perundangan EPR akan dibangunkan antara tahun 2022 – 2024 sebagai mekanisme pengurusan dan pemantauan EPR. Kerangka perundangan ini akan dibangunkan berpandukan kepada akta yang sedang berkuatkuasa, seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) dan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

5. Dalam memastikan kadar penggunaan sumber bahan mentah secara optimum di samping meminimumkan implikasi negatif, konsep ekonomi kitaran perlu dilaksanakan secara menyeluruh dalam industri. Sehubungan itu, *Roadmap* ini digerakkan melalui pendekatan *whole-of-nation* yang melibatkan kerajaan persekutuan dan negeri, pemain industri, akademik, badan bukan kerajaan dan masyarakat awam sejajar dengan matlamat *United Nations Sustainable Development Goals* (SDGs) 2030 dan RMKe-12.

Sekian, terima kasih.